



DATUK BANDAR TERIMA Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2025

>m/s 3

MBSJ Raih Tempat Kedua Anugerah Pentadbiran dan Pengurusan Pejabat (APPC) PBT 2025

>m/s 4

24 AHLI MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENGGAL 2026-2027

>m/s 20

Anugerah MPP 2025 dan Pelancaran Portal E-MPP

>m/s 6



Imbas
Kod QR
untuk mengakses
Buletin Bandar Raya
dalam talian



ISI KANDUNGAN

Datuk Bandar Terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2025	3	MBSJ Perkemas Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah	16	Tindakan Segera Atasi Longgokan Sampah di Seri Kembangan	29
MBSJ Raih Tempat Kedua Anugerah Pentadbiran dan Pengurusan Pejabat (APPC) PBT 2025	4	MBSJ dan KDEWBWM Meterai Perjanjian 7 Tahun	17	Serbuan Bersama MBSJ-PDRM Bongkar Pengedaran Minuman Keras Tanpa Lesen	30
MBSJ Raih Empat Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025	5	MBSJ Sumbang RM50,000.00 Program Ihya' Ramadan	17	Dua Basikal Roda Tiga Disita - Langgar Peraturan MBSJ	30
Anugerah MPP 2025 dan Pelancaran Portal E-MPP	6	PUSPANITA MBSJ Meraikan Anak Yatim dan Asnaf	18	Operasi Bersepadu MBSJ Tahan 75 Warga Asing	31
Majlis Penyampaian Insentif Kemenangan Atlet MAKSAK Selangor 2025	7	PUSPANITA Serah Sumbangan Kepada Balu dan Anak Yatim Warga Kerja MBSJ	18	Tindakan Sitaan dan Penutupan Premis Kerana Gagal Patuhi Syarat Pelesenan	32
Perdana Menteri Lancar Cerita Malaysia Kita di Sunway Lagoon	8	Kursus SDGs Perjelas Agenda Pembangunan Mampan	19	Program Bandar Selamat Bentuk Generasi Berdaya Tahan	32
Taklimat Khas Bersama Pengusaha Hotel Perkemas Pelaksanaan Fi Kelestarian Selangor	8	38 Warga Kerja MBSJ Menyertai Modul Pengukuhan Integriti	19	MBSJ Anjur Program Aktiviti Kitar Semula di Sampling Perkenal Lori Pameran Bergerak Kitar Semula	33
Projek Teduh@MBSJ Sedia Kemudahan Khusus Untuk Penunggang E-Hailing	9	24 Ahli Majlis Angkat Sumpah Penggal 2026-2027	20	Pelancaran Sukarelawan SUKMA XXII Selangor 2026	34
Taklimat EVCB Perkukuh Agenda Mobiliti Mampan MBSJ	9	Warna-Warni Komuniti	22	Chill & Play Pickleball Galak Gaya Hidup Sihat	35
Perpaduan Mewarnai Sambutan Tahun Baharu Cina Selangor	10	Majlis Penutup Tadarus Al-Quran MBSJ 2026M/1447H	24	Perlawanan 4 Penjur Semarak Semangat Kesukanan	36
Kerjasama Negeri dan Agrobank Sokong Usahawan Bazar Ramadan	11	MBSJ Terima 4 Cadangan Penambahbaikan Tatakelola Dari SPRM	24	DYTM Raja Muda Selangor Saksi Final Selangor Champions League	37
MBSJ Laksana Tandatanganan Digital Bagi Perjanjian Majlis	12	Program Tekad Perkukuh Tempat Kerja Bebas Dadah	25	Subang Jaya Half Marathon 2026 Himpun 5,800 Peserta	38
Media Prima Salur RM348,000 Bantu Mangsa Putra Heights	13	Taklimat Persaraan Bantu Warga Kerja Rancang Masa Hadapan	25	MBSJ FC Juara Futsal Wanita Kebangsaan 2026	39
FGD 2 Perkukuh Kajian Inventori GHG MBSJ	14	Taklimat Tingkat Kefahaman Mengenai Zakat	26		
Taklimat MPP dan Portal E-MPP Perkukuh Peranan Komuniti	14	Tingkat Kesedaran Mengenai Cukai Pendapatan	27		
Program Alam Sekitar Sekolah MBSJ 2026 Libatkan 56 Sekolah	15	Sandbox Mobiliti: Perintis Sistem Mobiliti Bandar Yang Selamat, Mampan dan Mesra Alam	28		
		Penyelenggaraan Pokok Khaya Tingkat Keselamatan Awam	29		

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim,
D.I.M.P.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali,
S.M.S., A.M.N.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pegarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pegarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Hasriani binti Saud

PEREKA GRAFIK:

Encik Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shaharolzaman
Puan Siti Marlina binti Chek Long
Encik Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Noraishah binti Abdullah



Datuk Bandar Terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2025



Syabas dan tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, atas kejayaan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2025. Seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Subang Jaya mengucapkan tahniah serta berbangga di atas pengiktirafan yang diterima hasil kecemerlangan prestasi serta kepimpinan beliau dalam menerajui pengurusan pentadbiran MBSJ.

Datuk Bandar MBSJ telah menerima pengiktirafan ini semasa Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2025 dan Anugerah Jasamu Dikenang Tahun 2026 bagi Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang telah berlangsung pada 12 Februari 2026 bertempat di Hotel Concorde Shah Alam. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.





MBSJ Raih Tempat Kedua Anugerah Pentadbiran dan Pengurusan Pejabat (APPC) PBT 2025



Majlis Amanat Tahun Baharu 2026 yang berlangsung pada 26 Januari 2026 di Dewan Raja Muda Musa menjadi wadah penyampaian hala tuju dan aspirasi Kerajaan Negeri Selangor. Amanat tersebut disampaikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor sebagai penegasan komitmen ke arah tadbir urus yang progresif, inklusif dan mampan demi kesejahteraan rakyat.

Majlis berkenaan turut menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Negeri Selangor dan MyDigital ID. Pada majlis yang sama, YAB Dato' Menteri Besar Selangor turut melancarkan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

2026–2030, Sistem Aplikasi KitaSelangor Penyayang (AKSES) serta menyempurnakan penyerahan insentif penghargaan kepada jabatan dan pejabat pemungut hasil atas prestasi kutipan hasil tahun 2025.

Dalam majlis yang sama, berlangsung Majlis Penyampaian Anugerah Pentadbiran dan Pengurusan Pejabat (APPC) yang menyaksikan Majlis Bandaraya Subang Jaya meraih Tempat Kedua Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2025 bagi kategori Pihak Berkuasa Tempatan. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada barisan pengurusan serta seluruh warga kerja MBSJ atas komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan.





Majlis Anugerah BANDAR RENDAH KARBON 2025



MBSJ Raih Empat Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025



Komitmen terhadap agenda kelestarian terus membuahkan hasil apabila Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) meraih empat anugerah dalam Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025 pada 12 Februari 2026 bertempat di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Pengiktirafan tersebut melibatkan dua kategori iaitu Kategori Rakan Kongsi dan Kategori Zon, sekali gus menempatkan MBSJ antara peneraju pelaksanaan inisiatif rendah karbon.

YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ telah menerima anugerah berprestij ini yang telah disampaikan

oleh YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Berikut adalah senarai pengiktirafan yang diterima oleh MBSJ:

KATEGORI	LOKASI	PENGIKTIRAFAN
Rakan Kongsi	Perpustakaan Hipermedia	5 Diamond
	Ibu Pejabat MBSJ	4 Diamond
	Kompleks 3K Serdang Raya	3 Diamond
Zon	Bandar Sunway	3 Diamond



**MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
2025**6 FEBRUARI 2026 | 8.00 MALAM
LAGOON BALLROOM, SUNWAY RESORT HOTEL**Anugerah MPP 2025
dan Pelancaran
Portal E-MPP**

Pengiktirafan terhadap peranan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dizahirkan menerusi Majlis Anugerah Majlis Perwakilan Penduduk MBSJ Tahun 2025 serta Pelancaran Portal E-MPP MBSJ yang berlangsung pada 6 Februari 2026 di Hotel Sunway Resort, Bandar Sunway. Majlis tersebut disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ dan sebanyak 8 anugerah telah disampaikan dalam majlis tersebut.

Berikut adalah Senarai Pemenang bagi setiap anugerah yang disampaikan:

BIL.	ANUGERAH	HADIAH	PEMENANG TEMPAT PERTAMA (MPP)
1.	ANUGERAH PROGRAM KEMASYARAKATAN MPP MBSJ TERBAIK 2025		ZON 3 ENCIK CHIA YEW KEN
2.	ANUGERAH PENGURUSAN PENTADBIRAN MPP MBSJ TERBAIK 2025		ZON 24 ENCIK THAMILARUSU A/L SANDAYAN
3.	ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU MPP MBSJ TERBAIK 2025		ZON 4 AR KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
4.	ANUGERAH PROGRAM ALAM SEKITAR MPP MBSJ TERBAIK 2025	• WANG TUNAI RM2,500.00 • SUJIL • PLAK	ZON 4 AR KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
5.	ANUGERAH PROGRAM PANGSAPURI DAN KAMPUNG ANGKAT KOMUNITI BERDAYA MPP MBSJ TERBAIK 2025		ZON 14 ENCIK KAMARUL HAFIZ BIN KAMARUDIN
6.	ANUGERAH MPP MBSJ INOVATIF TERBAIK 2025		ZON 3 ENCIK CHIA YEW KEN
7.	ANUGERAH MPP AEDES BUSTER MBSJ TERBAIK 2025		ZON 4 AR KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
8.	ANUGERAH MPP MBSJ TERBAIK KESELURUHAN 2025	• WANG TUNAI RM10,000.00 • SUJIL • PLAK	ZON 4 AR KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM

<https://mpp.mbsj.gov.my/>



Majlis Penyampaian Insentif Kemenangan Atlet MAKSAK Selangor 2025



Setinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua atlet MBSJ yang terlibat dalam MAKSAK Selangor 2025 yang lalu.

Majlis Penyampaian Insentif Kemenangan Atlet MAKSAK Selangor 2025 telah berlangsung pada 2 Mac 2026 bertempat di Bilik Gerakan MTES, Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS dan telah disempurnakan oleh YB. Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merangkap Yang Dipertua MAKSAK Selangor.

YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bersama pengurus pasukan dan jurulatih turut hadir mewakili pasukan MBSJ bagi acara futsal lelaki dan perempuan, sepak takraw serta kombo MBSJ telah menerima insentif kemenangan sebagai tanda pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang pasukan dalam kejohanan yang disertai sepanjang tahun 2025.

Semoga kecemerlangan ini diteruskan pada masa hadapan sekaligus mengangkat imej organisasi dan Negeri Selangor di persada sukan.





Perdana Menteri Lancar Cerita Malaysia Kita di Sunway Lagoon



Majlis Pelancaran 'Cerita Malaysia Kita' telah berlangsung pada 30 Januari 2026 di Sunway Lagoon dan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Pelancaran tersebut menjadi simbol sokongan terhadap usaha memperkukuh promosi pelancongan negara di peringkat antarabangsa.

Turut hadir ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, serta Ahli-ahli Majlis sebagai tanda komitmen terhadap kempen

pelancongan yang digerakkan secara bersepadu.

Penganjuran majlis ini mencerminkan sokongan padu terhadap kempen Malaysia Truly Asia sempena Visit Malaysia 2026 dan Visit Selangor Year 2026, sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancong.

Inisiatif tersebut turut memperlihatkan kesepaduan antara agensi dan pihak berkepentingan dalam mempromosikan potensi pelancongan secara tersusun, inklusif dan berimpak tinggi.



Taklimat Khas Bersama Pengusaha Hotel Perkemas Pelaksanaan **Fi Kelestarian Selangor**



Pelaksanaan Fi Kelestarian Negeri Selangor telah diperkemas menerusi Sesi Taklimat Khas bersama pengusaha hotel dalam kawasan pentadbiran MBSJ yang berlangsung pada 29 Januari 2026. Program ini dianjurkan oleh MBSJ dengan kerjasama Pejabat Kewangan Negeri Selangor dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Selangor bagi memastikan proses kutipan dilaksanakan secara lancar, telus dan teratur.

Taklimat tersebut dihadiri oleh Puan Zaharah binti Isahak, Pengarah MOTAC Selangor; Encik Muhammad Izzuddin Asyraf bin Mahad, Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil) serta 84 wakil pengusaha hotel berlesen termasuk Persatuan Hotel-Hotel Malaysia sebagai pihak berkepentingan dalam pelaksanaan inisiatif ini.

Sesi ini bertujuan memberikan pemahaman yang menyeluruh berkaitan tatacara pelaksanaan serta tanggungjawab pengusaha hotel dalam menguruskan kutipan fi berkenaan. Peranan pengusaha hotel sebagai barisan hadapan amat penting kerana mereka berinteraksi secara langsung dengan pelanggan dan menyampaikan maklumat yang tepat serta konsisten.

Fi Kelestarian Negeri Selangor diperkenalkan bagi menyokong usaha pemuliharaan serta penambahbaikan prasarana dan infrastruktur pelancongan agar lebih berdaya saing dan mampan. Diharapkan pelaksanaannya dapat berjalan lancar di Bandar Raya Subang Jaya selaras dengan agenda pembangunan pelancongan yang berterusan.





Projek Teduh@MBSJ Sedia Kemudahan Khusus Untuk Penunggang E-Hailing



Kemudahan rehat yang selesa dan teratur untuk penunggang e-hailing diperkenalkan menerusi Projek TEDUH@MBSJ hasil kerjasama Kerajaan Negeri Selangor menerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Negeri Selangor bersama MBSJ. Inisiatif ini dilaksanakan di hadapan Pasar Moden SS15, Subang Jaya sebagai langkah

menyediakan ruang khusus yang selamat dan mesra komuniti kepada penunggang e-Hailing di kawasan tersebut.

Kemudahan yang disediakan merangkumi penghadang keselamatan dan ruang parkir motosikal bagi memastikan susun atur lebih teratur. Turut dilengkapi tempat pengecas

telefon, kerusi yang selesa, kipas dan lampu LED bagi meningkatkan keselesaan pengguna sepanjang waktu operasi.

Bagi menjamin keselamatan dan kebersihan, lokasi tersebut dilengkapi kamera litar tertutup serta tong sampah kitar semula. Penyediaan kemudahan ini mencerminkan pendekatan yang

tersusun dalam menyokong keperluan mobiliti bandar dan kesejahteraan masyarakat.

Inisiatif TEDUH@MBSJ memperlihatkan komitmen berterusan dalam menggalakkan penggunaan teknologi mampan serta meningkatkan kualiti kemudahan awam demi keselesaan komuniti bandar raya.

Taklimat EVCB Perkukuh Agenda Mobiliti Mampan MBSJ



Pelaksanaan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB) di kawasan pentadbiran MBSJ telah diperincikan dalam Sesi Taklimat Permohonan EVCB kepada Charge Point Operator (CPO) yang berlangsung pada 20 Januari 2026 di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ. Sesi tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ.

Turut hadir ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ; Ahli Majlis; Ketua-ketua Jabatan MBSJ serta wakil-wakil Jabatan Teknikal dan agensi luar sebagai tanda sokongan terhadap penyelaras pelaksanaan kemudahan EVCB di bandar raya ini.

Penganjuran sesi taklimat ini bertujuan memberikan penerangan yang jelas dan menyeluruh berkaitan proses,

prosedur serta keperluan permohonan EVCB di kawasan pentadbiran MBSJ. Penjelasan tersebut penting bagi memastikan setiap permohonan dilaksanakan secara teratur dan mematuhi ketetapan yang ditetapkan.

Inisiatif ini selaras dengan usaha berterusan MBSJ dalam menyokong pembangunan bandar rendah karbon serta memperkasa mobiliti mampan demi kesejahteraan warga bandar raya.



Sambutan Perayaan

Tahun Baru Cina Peringkat Negeri S



Perpaduan Mewarnai Sambutan Tahun Baharu Cina Selangor



Keharmonian masyarakat majmuk terus terserlah menerusi Majlis Sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina Peringkat Negeri Selangor Tahun 2026 yang berlangsung pada 8 Februari 2026 di Taman Rekreasi Wawasan, Puchong. Program anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Invest Selangor dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) itu telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Turut hadir Datin Seri Masdiana Muhamad, isteri kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor; YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Negeri Selangor; YBrs. Tuan Huzunul Khaidil bin Mohammed, Pegawai Daerah Petaling; serta YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ. Hadir sama barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Negeri, Yang Dipertua pihak berkuasa tempatan serta ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan sebagai simbol sokongan terhadap perpaduan negeri.



Program ini menampilkan pelbagai pengisian kebudayaan dan tradisi masyarakat Cina termasuk aktiviti campur beras, bengkel seni dan kraf tangan, persembahan kebudayaan serta wushu, di samping pengagihan sebanyak 1,500 angpau kepada kanak-kanak. Sebagai tanda keprihatinan terhadap pembangunan komuniti, MBSJ turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM1,000 kepada setiap 10 badan bukan kerajaan terpilih.

Penganjuran ini memperkukuh semangat kebersamaan dalam kalangan warga Selangor serta mencerminkan komitmen berterusan dalam memelihara keharmonian masyarakat majmuk melalui kerjasama pelbagai pihak secara inklusif dan tersusun.



Kerjasama Negeri dan Agrobank Sokong Usahawan Bazar Ramadan



Sokongan terhadap pembangunan usahawan terus diperkukuh menerusi Majlis Pelancaran Kerjasama Kerajaan Negeri Selangor dan Agrobank melalui Inisiatif PLATS bagi Program Bazar Ramadan Selangor 2026 yang berlangsung pada 11 Februari 2026 di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YB Tuan Mohd Najwan Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan. Turut hadir YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSA.

Melalui inisiatif ini, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) menjalin kerjasama strategik bersama Agrobank dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor bagi pelaksanaan Program Bazar Ramadan Selangor 2026. Pendekatan kolaboratif tersebut memastikan penyelarasan yang lebih sistematik antara agensi kewangan dan pentadbiran tempatan dalam menyokong peniaga.

Fokus utama program ini adalah untuk memperkasa usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta meningkatkan impak ekonomi di peringkat komuniti. Pelaksanaannya memberi manfaat langsung kepada peniaga dan masyarakat sepanjang penganjuran bazar Ramadan.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam merancakkan ekosistem keusahawanan yang inklusif dan mampan.





MBSJ Laksana Tandatangan Digital Bagi Perjanjian Majlis



Transformasi digital dalam urusan pentadbiran terus digerakkan menerusi Sesi Pendaftaran dan Taklimat Penggunaan Tandatangan Digital bagi Perjanjian Majlis kepada Ahli Majlis yang dilantik bagi sesi 2026/2027 yang dilaksanakan pada 25 Februari 2026. Inisiatif ini menjadi langkah penting dalam memodenkan proses dokumentasi rasmi Majlis.

Sesi tersebut bertujuan memberi penerangan serta panduan penggunaan tandatangan digital dalam urusan perjanjian Majlis selaras dengan usaha meningkatkan kecekapan, keselamatan dan integriti penyampaian perkhidmatan.





Media Prima Salur RM348,000 Bantu Mangsa Putra Heights



Keperihatin terhadap mangsa Kinsiden kebakaran dan letupan paip gas di Putra Heights dizahirkan menerusi sumbangan Media Prima Berhad melalui Tabung Bencana NSTP-Media Prima kepada Kerajaan Negeri Selangor pada 16 Februari 2026. Inisiatif ini menjadi tanda solidariti korporat dalam membantu usaha pemulihan komuniti terjejas.

Sesi penyerahan disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri. YBhg. Datuk Syed Hussian Syed Junid, Pengerusi Kumpulan Media Prima, menyampaikan sumbangan berjumlah RM348,000.00 sebagai tanda sokongan dan keprihatinan terhadap mangsa yang terjejas.

Turut hadir YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, serta Encik Mohammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ. Sumbangan tersebut menyokong usaha bantuan serta pemulihan yang dilaksanakan secara bersepadu oleh Kerajaan Negeri Selangor.



FGD 2 Perkukuh Kajian Inventori GHG MBSJ




Komitmen terhadap agenda bandar raya rendah karbon diperkukuh menerusi Bengkel Perbincangan Kumpulan Fokus Ke-2 (FGD 2) bagi Kajian Inventori Gas Rumah Hijau (GHG) MBSJ yang berlangsung pada 5 Februari 2026. Sesi ini menghimpunkan kepimpinan tertinggi dan pihak berkepentingan berkaitan bagi memastikan proses semakan dilaksanakan secara menyeluruh, telus dan berintegriti.

FGD 2 merupakan fasa susulan kepada FGD 1 dengan tumpuan terhadap pembentangan dan pengesahan dapatan awal Kajian Inventori GHG bagi tahun 2023 dan 2024. Bengkel ini turut mendapatkan maklum balas teknikal,



mengenal pasti jurang data serta meneliti keperluan penambahbaikan metodologi sebelum merumuskan hala tuju pelaporan dan perancangan strategik MBSJ.

Pendekatan berasaskan penelitian ini memperkukuh asas penyediaan laporan dan tindakan susulan berkaitan perubahan iklim. Perancangan yang sistematik menjadi landasan penting kepada agenda pembangunan mampan dan daya tahan bandar raya demi kemajuan masyarakat.



Taklimat MPP dan Portal E-MPP Perkukuh Peranan Komuniti



Peranan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ bagi penggal 2026/2027 telah diperjelas menerusi Sesi Taklimat MPP dan tatacara penggunaan Portal E-MPP yang berlangsung pada 22 Januari 2026. Sesi tersebut dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis baharu serta Pembantu Ahli Majlis sebagai langkah penyelarasan fungsi dan tanggungjawab.

Selain itu, taklimat berkaitan Ekonomi Kreatif turut disampaikan oleh Encik Mohd Nor Imran bin Mat Shah,

Pengurus Selangor Youth Community (SAY). Perkongsian ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai potensi dan pendekatan pembangunan komuniti melalui sektor ekonomi kreatif.

Penganjuran sesi ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam memperkukuh peranan MPP sebagai penghubung antara Majlis dan komuniti setempat secara lebih sistematik, telus dan berkesan.





Program Alam Sekitar Sekolah MBSJ 2026 **Libatkan 56 Sekolah**



Kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar dalam kalangan pelajar terus diperkasa menerusi penyertaan 56 buah sekolah dalam Taklimat dan Pelancaran Program Alam Sekitar dan Kitar Semula Sekolah MBSJ 2026 yang berlangsung pada 10 Februari 2026 di Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7. Inisiatif ini mencerminkan komitmen bersama antara pihak berkuasa tempatan dan institusi pendidikan dalam memperluas pendidikan alam sekitar di peringkat sekolah.

Taklimat tersebut memperkenalkan pelaksanaan program serta aktiviti berkaitan alam sekitar dan kitar semula yang akan digerakkan sepanjang tahun 2026. Majlis turut diserikan dengan reruai pameran oleh rakan strategik iaitu Rekayu, Tetra Pak Malaysia, KPT Recycle, RP Gilang Resources Sdn. Bhd. dan Serikandi yang memberi pendedahan pelajar terhadap amalan pengurusan sisa secara mampan.

Melalui inisiatif ini, tahap kesedaran dan kefahaman pelajar mengenai kepentingan pengasingan sisa asas seperti kertas, kaca dan logam terus dipertingkatkan. Pendekatan pendidikan berterusan ini menyokong pembudayaan amalan lestari di peringkat sekolah serta memperluas impaknya kepada komuniti setempat.

Program seumpama ini menjadi pemangkin kepada generasi muda dalam mengamalkan tanggungjawab terhadap alam sekitar secara konsisten dan berkesan.





MBSJ Perkemas Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah



Pengurusan kualiti berasaskan Syariah terus diperkemas melalui Mesyuarat Khas Jawatankuasa Badan Penasihat Syariah MBSJ Bilangan 1 Tahun 2026 yang diadakan pada 25 Februari 2026 di Bilik Mesyuarat 1, Ibu Pejabat MBSJ. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh YAD Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar bin Haji Opir, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.

Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah MBSJ di bawah sistem MS1900:2014. Perbincangan meliputi aspek pemantauan, pematuhan serta penyelarasan proses kerja bagi memastikan setiap tindakan pentadbiran selaras dengan prinsip dan keperluan Syariah.

Mesyuarat turut meneliti cadangan penambahbaikan strategik bagi mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan sistem secara berterusan. Komitmen ini mencerminkan kesungguhan MBSJ dalam mengekalkan standard pentadbiran yang telus, sistematik dan selaras dengan piawaian yang ditetapkan.





MBSJ dan KDEWBWM Meterai Perjanjian 7 Tahun



Dalam memastikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dilaksanakan secara lebih cekap, sistematis serta berakauntabiliti, MBSJ telah memeterai perjanjian bersama KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di antara MBSJ dan KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM)

pada 6 Mac 2026 bertempat di Ibu Pejabat MBSJ.



Perjanjian bagi tempoh tujuh (7) tahun akan datang ini telah dimeterai oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd. Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta Encik Pravin A/L Murali, Ahli Majlis yang mewakili pihak MBSJ dan YBhg. Dato' Haji Ramli bin Mohd. Tahir selaku Pengarah Urusan KDEBWM.

Majlis tersebut telah disaksikan oleh Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan serta wakil-wakil daripada KDEBWM.

Perjanjian ini melambangkan komitmen dan kerjasama strategik antara MBSJ dan KDEBWM dalam memastikan bandaraya ini bersih dan teratur.

MBSJ Sumbang RM50,000.00 Program Ihya' Ramadan



Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan berangkat ke Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadan) Bersama Rakyat serta Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1447H Peringkat Daerah Petaling yang diadakan di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong.

Keberangkatan Baginda diiringi oleh Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin.

Majlis ini diadakan bagi menyantuni masyarakat setempat di samping menyampaikan sumbangan Hari



Raya kepada golongan asnaf fakir, miskin serta saudara baharu di daerah Petaling.

Turut hadir adalah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd.



Rahim, Datuk Bandar MBSJ yang turut menyerahkan cek simbolik sumbangan berjumlah RM50,000.00 daripada MBSJ

kepada Masjid Istana Diraja bagi menyokong pelaksanaan program dan aktiviti Ihya' Ramadan.

MYDIN
Mall

PUSPANITA MBSJ Meraikan Anak Yatim dan Asnaf



Dalam menyemarakkan keberkatan bulan Ramadan, MBSJ bersama PUSPANITA MBSJ telah berkesempatan meraikan seramai 24 orang anak yatim dan asnaf di MYDIN Mall, Subang Jaya, Selangor pada 7 Mac 2026.

Pada majlis tersebut, YBhg. Datin Zakiah Syerina Balqis binti Taha, Pengerusi PUSPANITA MBSJ bersama Ahli Jawatankuasa PUSPANITA MBSJ turut meluangkan masa menyantuni

anak-anak yang diraikan serta menyampaikan sumbangan duit



raya sempena sambutan Aidilfitri yang bakal menjelang.



PUSPANITA MBSJ amat prihatin terhadap kebajikan warga kerja MBSJ. Justeru itu, satu Majlis Penyerahan Sumbangan kepada Balu dan Anak Yatim telah berlangsung pada 16 Mac 2026 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu pejabat MBSJ.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Zakiah Syerina Balqis binti Taha, Pengerusi PUSPANITA MBSJ. Turut serta, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar



MBSJ yang telah meluangkan masa menyantuni program tersebut.

Dalam majlis yang sama, PUSPANITA MBSJ juga turut menyerahkan Sumbangan Kecemerlangan kepada anak-anak kakitangan

yang mendapat keputusan cemerlang dalam pelajaran samada di peringkat sekolah rendah mahupun menengah.

Adalah diharapkan, sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban menjelang sambutan Syawal tidak lama lagi.

PUSPANITA Serah Sumbangan Kepada Balu dan Anak Yatim Warga Kerja MBSJ





Kursus SDGs Perjelas Agenda Pembangunan Mampan



Keupayaan warga kerja dalam memahami dan melaksanakan agenda pembangunan mampan terus dipertingkatkan melalui Kursus Pemahaman Sustainable Development Goals (SDGs) pada 10 Februari 2026 yang dikendalikan oleh MYSDG Academy dengan penyertaan pegawai-pegawai Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Program ini memfokuskan peranan organisasi dalam menyokong matlamat pembangunan global secara sistematik dan bersepadu.



Kursus tersebut bertujuan meningkatkan kefahaman dan kesedaran warga kerja tentang tanggungjawab kolektif dalam menjayakan agenda SDGs. Peserta didedahkan kepada konsep serta 17 Matlamat Pembangunan Mampan secara menyeluruh bagi meningkatkan keupayaan mengaplikasikannya dalam tugas, pengurusan organisasi dan amalan harian.



Pelaksanaan inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memastikan prinsip SDGs diterapkan di semua peringkat organisasi. Pendekatan berasaskan ilmu dan kesedaran ini menyokong pembangunan bandar raya yang mampan, inklusif dan berdaya tahan.

Program seumpama ini menjadi asas penting dalam menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan dasar agar selari dengan agenda pembangunan global secara konsisten dan berkesan.



38 Warga Kerja MBSJ Menyertai Modul Pengukuhan Integriti



Seramai 38 warga kerja Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menyertai Kursus Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah anjuran MBSJ dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 4 hingga 6 Februari 2026. Program ini turut melibatkan lawatan pendidikan ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik, Sepang, Selangor sebagai sebahagian daripada pengisian latihan yang dirangka secara bersepadu.



tentang implikasi salah laku serta kepentingan pematuhan terhadap peraturan dan tatacara kerja.

Inisiatif ini selaras dengan usaha berterusan dalam memperkukuh budaya integriti dan menyemai nilai amanah dalam kalangan warga kerja. Pendekatan sistematik tersebut menyokong amalan pentadbiran yang beretika, telus dan bebas rasuah demi kemajuan masyarakat.

Pelaksanaan kursus ini memperkukuh kefahaman peserta terhadap kepentingan tabdir urus yang telus serta tanggungjawab dalam mencegah rasuah di peringkat organisasi. Pendedahan secara teori dan lapangan membantu meningkatkan kesedaran

Program ini mencerminkan komitmen berterusan dalam membina perkhidmatan awam yang berintegriti dan dipercayai.



24 Ahli Majlis Angkat Sumpah Penggal 2026-2027



Amanah kepimpinan bandar raya diteruskan menerusi Majlis Angkat Sumpah dan Penandatanganan Wafikah Pelantikan Ahli Majlis MBSJ bagi penggal 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2027 yang berlangsung pada 9 Januari 2026 di Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2, Ibu Pejabat MBSJ. Majlis ini menandakan kesinambungan komitmen dalam memastikan tabdir urus berintegriti serta penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada komuniti setempat.


Seramai 24 orang Ahli Majlis melafazkan ikrar penerimaan jawatan, diikuti Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 serta ikrar aku janji di hadapan YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ; YBr. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ; dan YBr. Tuan Ismail



bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ. Lafaz tersebut menjadi simbol kesediaan memikul tanggungjawab dengan penuh akauntabiliti dan integriti dalam melaksanakan amanah yang digalas.



Peta Kawasan Ahli Majlis



DNS SUBANG JAYA (N.31)
 YB. PUAN MICHELLE NG MEI SZE

DNS KOTA KEMUNING (N.50)
 YB. TUAN PREAKAS A/L SAMPUNATHAN

DNS SRI SERDANG (N.29)
 YB. TUAN ABBAS SALIMBI BIN CHE ADZMI@AZMI

DNS BATU TIGA (N.41)
 YB. TUAN DANIAL AL-RASHID BIN HARON AMINAR RASHID

DNS KINRARA (N.30)
 YB. TUAN NG SZE HAN

DNS SERI KEMBANGAN (N.28)
 YB. PUAN WONG SIEW KI

Senarai Ahli Majlis Majlis Bandaraya Subang Jaya 2026-2027



ZON 1

ENCIK CHIA YEW KEN
 No. Tel. : 012-327 2366
 Emel : kenchia@mbsj.gov.my
 - SS12 - SS19
 - TAMAN WANGSA BAIDURI



ZON 2

ENCIK PRAVIN A/L MURALI
 No. Tel. : 018-400 0904
 Emel : pravin.murali@mbsj.gov.my
 - P15 7, 9, 11
 - BANDAR SUNWAY



ZON 3

ENCIK CHRISTOPHER ELVIN JOSEPH
 No. Tel. : 012-732 9001
 Emel : christopher@mbsj.gov.my
 - USJ 7 - USJ 22



ZON 4

ENCIK ZULFADZLEE SHAH BIN SHAHRUDDIN
 No. Tel. : 012-298 1852
 Emel : zulfadzlee@mbsj.gov.my
 - TAMAN PERUMAHAN TP 1 - 2
 - TAMAN PERINDUSTRIAN UEP (TP 3 - 6)
 - TAMAN PERINDUSTRIAN SUBANG USJ 1
 - USJ 1 - 6



ZON 5

ENCIK MUHAMMAD AFIFF BIN ABDULLAH
 No. Tel. : 016-608 8084
 Emel : afif.abdullah@mbsj.gov.my
 - TAMAN BATU TIGA
 - TAMAN MUTIARA SUBANG
 - TAMAN PERINDUSTRIAN SUBANG HI-TECH
 - TAMAN PERINDUSTRIAN UEP (TP 7)
 - TAMAN PINGGIRAN USJ
 - TAMAN SUBANG HEIGHTS
 - TAMAN SUBANG MAS
 - TAMAN USJ HEIGHTS
 - TROPICANA METROPARK



ZON 6

ENCIK KHAIROL BASRI BIN M. ARIFF
 No. Tel. : 011-2725 3889
 Emel : khairolbasri@mbsj.gov.my
 - USJ 23 - USJ 27
 - TAMAN TANAMERA
 - ONE CITY



ZON 7

ENCIK MUHAMMAD KHAIRIL BIN KHALID
 No. Tel. : 018-310 8268
 Emel : khairil.khalid@mbsj.gov.my
 - TAMAN PUTRA HEIGHTS
 - TAMAN PUTRA HARMONI
 - PUTRA CREST
 - TAMAN PUTRA BISTARI
 - THE GLADES
 - KAMPUNG BUKIT LANCHONG



ZON 8

ENCIK AHMAD UMAR KHAIR BIN ZAINUDDIN
 No. Tel. : 019-391 0570
 Emel : umar.khair@mbsj.gov.my
 - KAMPUNG KENANGAN
 - KAMPUNG BATU 13 1/2
 - KAMPUNG TENGAH A
 - KAMPUNG TENGAH B
 - KAMPUNG KUALA SUNGAI BARU



ZON 9

ENCIK PANG HON YUEN
 No. Tel. : 016-978 2143
 Emel : panghonyuen@mbsj.gov.my
 - TAMAN PERINDUSTRIAN PUCHONG SEKSYEN 1, 5 DAN 6
 - TAMAN SRI PUCHONG
 - TAMAN DENAI PUCHONG
 - FAMA



ZON 10

PUAN NG SEOW CHEN
 No. Tel. : 016-421 1127
 Emel : ngseowchen@mbsj.gov.my
 - BUKIT TANDANG
 - BANDAR PUCHONG JAYA
 - KAMPUNG LEMBAH KINRARA
 - PUSAT PERDAGANGAN ONE PUCHONG
 - TAMAN BUKIT KINRARA
 - TAMAN PUNCAK KINRARA
 - TAMAN PERINDUSTRIAN KINRARA SEKSYEN 1 DAN 2



ZON 11

PUAN GUNASUNTHARI A/P KANNIAPPAN
 No. Tel. : 014-388 2259
 Emel : gunasunthari@mbsj.gov.my
 - TAMAN KINRARA SEKSYEN 1 - 5 DAN 7
 - TAMAN PAIK SONG
 - TAMAN KANDAN BARU
 - TAMAN KANDAN LAMA
 - KOMPLEKS SURIA KINRARA
 - PUSAT PERNIAGAAN KINRARA
 - TAMAN BUKIT KUCHAI
 - AMAN SARAI
 - TAMAN TENAGA



ZON 12

ENCIK MUHAMMAD FAUZAN BIN ROSLI
 No. Tel. : 012-979 2591
 Emel : fauzan.rosli@mbsj.gov.my
 - KAMPUNG SRI PUCHONG BATU 13
 - KAMPUNG BERSATU
 - KAMPUNG SRI LANGKAS
 - KAMPUNG SRI LANGKAS TAMBAHAN
 - KAMPUNG SRI ANDALAS
 - KAMPUNG SRI AMAN LUAR
 - KAMPUNG SRI AMAN TENGAH
 - KAMPUNG SRI AMAN DALAM
 - KAMPUNG SRI AMAN HILIR
 - PUCHONG HORIZON



ZON 13

ENCIK TAH YAP KEONG
 No. Tel. : 012-371 8176
 Emel : tahyapkeong@mbsj.gov.my
 - TAMAN PUCHONG INTAN
 - TAMAN PUCHONG INDAH
 - TAMAN PUCHONG PERDANA



ZON 14

ENCIK KAMARUL HAFIZ BIN KAMARUDDIN
 No. Tel. : 018-394 0695
 Emel : kamarulhafiz@mbsj.gov.my
 - TAMAN PUCHONG PERMAI
 - TAMAN DESA MILLENIA
 - TAMAN PUCHONG PRIMA
 - TAMAN TASIQ FIRMA
 - TAMAN PUCHONG TEKALI
 - TAMAN PINGGIRAN PRIMA



ZON 15

ENCIK ZAIHASRI BIN JAAFAR
 No. Tel. : 012-364 8715
 Emel : zaihasri.jaafar@mbsj.gov.my
 - TAMAN PERINDUSTRIAN PUCHONG UTAMA
 - TAMAN PERINDUSTRIAN PUCHONG UTAMA SEKSYEN 1 DAN 2
 - TAMAN PUCHONG UTAMA



ZON 16

PUAN LEE JEN UYIN
 No. Tel. : 016-412 2721
 Emel : jenuyin@mbsj.gov.my



ZON 17

ENCIK THAMILARUSU A/L SANDAYAN
 No. Tel. : 012-675 4484
 Emel : thamilarusu@mbsj.gov.my



ZON 18

ENCIK MEHANATAN A/L EMBAMURTHI
 No. Tel. : 010-566 0473
 Emel : mehanatan@mbsj.gov.my
 - BANDAR KINRARA
 - KEM TENTERA KINRARA
 - TAMAN PUNCAK JALIL
 - TAMAN DAMAI UTAMA



ZON 19

PUAN LEE JEN UYIN
 No. Tel. : 016-412 2721
 Emel : jenuyin@mbsj.gov.my
 - BANDAR PUTERI
 - PUCHONG LEGENDA
 - TAMAN INDUSTRI PUSAT BANDAR PUCHONG
 - PKNS PUCHONG BATU 13 1/2
 - TAMAN PUCHONG HARTAMAS
 - BANDAR METRO PUCHONG RAJAWALLI MERBAH, IOI MALL
 - TAMAN MUTIARA PUCHONG
 - LAKE EDGE
 - LAKE EDGE TULIP
 - LAKE SIDE RESIDENCE
 - PUSAT BANDAR PUCHONG
 - PUCHONG BATU 12
 - KAMPUNG BUNGA MELUR
 - KAMPUNG PASIR BATU 13 1/2
 - CASA TROPIKA
 - ZEN RESIDENCE



ZON 20

PUAN NURSYAHEERA BINTI ABDUL GHAFAR
 No. Tel. : 012-724 9061
 Emel : nursyaheera@mbsj.gov.my



ZON 21

ENCIK TEY BOON KIAT
 No. Tel. : 012 - 688 5576
 Emel : teyboonkiat@mbsj.gov.my
 - TAMAN BUKIT SERDANG SEKSYEN 1, 3
 - TAMAN SERDANG HEIGHTS (SUNGAI KUVOH) SEKSYEN 1 - 7
 - TAMAN UNIVERSITI INDAH
 - PUSAT PERDAGANGAN SERI KEMBANGAN
 - AEDEN PERMAI



ZON 22

ENCIK SAIDIN BIN AWANG
 No. Tel. : 017-704 6609
 Emel : saidin.awang@mbsj.gov.my
 - TAMAN LESTARI PUTRA
 - PUSAT PERNIAGAAN SURIA PUCHONG
 - TAMAN DESAMINIUM
 - KOTA PERDANA
 - PUSAT BANDAR PUTRA PERMAI
 - TAMAN DATO DEMANG
 - TAMAN PINGGIRAN PUTRA
 - TAMAN EQUINE
 - TAMAN LESTARI PERDANA
 - BANDAR PUCHONG SOUTH
 - PUSAT PERNIAGAAN DALPRINA
 - PUSAT PERNIAGAAN THE ATMOSPHERE



ZON 23

PUAN SUZANAH HANIM WONG
 No. Tel. : 019 - 622 0331
 Emel : suzanah.hanim@mbsj.gov.my



ZON 24

ENCIK M. ANBARASAN A/L MURUGESU
 No. Tel. : 012-392 7717
 Emel : m.anbarasan@mbsj.gov.my
 - TAMAN SUNGAI BESI INDAH
 - TAMAN BELIMBING INDAH
 - TAMAN SERDANG LAMA
 - THE MINES SOUTHERN LAKE
 - THE MINES RESORT CITY



ZON 25

ENCIK CHONG HOON MING
 No. Tel. : 012-261 7931
 Emel : chonghoonming@mbsj.gov.my
 - KAMPUNG BARU SERI KEMBANGAN
 - TAMAN JINMA
 - TAMAN BUKIT SERDANG SEKSYEN 4 - 11
 - TAMAN PERINDUSTRIAN SEKSYEN 14
 - TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA
 - TAMAN PERINDUSTRIAN BUKIT SERDANG



ZON 26

PUAN SUZANAH HANIM WONG
 No. Tel. : 019 - 622 0331
 Emel : suzanah.hanim@mbsj.gov.my
 - TAMAN SERDANG BAYA
 - TAMAN SERDANG PERDANA SEKSYEN 1 - 6
 - TAMAN MUHIHBAH



Warna-Warni Komuniti

AKTIVITI MPP BULAN JANUARI - MAC 2026

JANUARI

MPP ZON 1



18.1.2026 (AHAD)
Kempen Derma Darah
 AEON Big Subang Jaya

MPP ZON 3



25.1.2026 (AHAD)
Edaran Angpow & Buah Oren
 Padang USJ 11/1

MPP ZON 4



18.1.2026 (AHAD)
Sumbangan 50 Baucer Back To School
 Pusat Komuniti MPP Zon 4

MPP ZON 5



17.1.2026 (Sabtu)
Program Ramah Mesra Bersama Pengerusi Surau
 Taman Batu Tiga

MPP ZON 7



16.1.2026 (Jumaat)
Sambutan Hari Ponggal
 SJKT Ladang Seafield

MPP ZON 10



17.1.2026 (Sabtu)
Program Pembasmian Tikus
 Kenari Commercial Area

MPP ZON 11



18.1.2026 (Ahad)
Program Back To School (Gunting Rambut)
 Bukit Kuchai

MPP ZON 12



18.1.2026 (Ahad)
Ceramah Perdana Israk Mikraj
 Surau Darul Naim Kg. Andalas

MPP ZON 13



10.1.2026 (Sabtu)
Sumbangan Back To School
 Balai Masyarakat Jalan Perdana 4/2A

FEBRUARI

MPP ZON 2



8.2.2026 (Ahad)
Sumbangan Bakul Makanan Sempena Tahun Baru Cina
 Pangsapuri Lagoon Perdana PJS 9

MPP ZON 6



8.2.2026 (Ahad)
Edaran Buah Limau Sempena Tahun Baru Cina
 Taman Permainan USJ 26

MPP ZON 8



14.2.2026 (Sabtu)
Tournament Bowling
 Summit USJ

MPP ZON 9



8.2.2026 (Ahad)
Program Sumbangan Kembali Ke Sekolah
Jalan Sri Puchong 7

MPP ZON 14



7.2.2026 (Sabtu)
Program Bengkel Pemberdayaan Wanita
Balai Masyarakat MPP 14

MPP ZON 15



22.2.2026 (Ahad)
Kecantikan Henna
Pejabat MPP 15

MPP ZON 16



1.2.2026 (Ahad)
Program Edaran Sampul Raya Tahun Baru Cina
Pasar Pagi Wawasan 5

MPP ZON 17



7.2.2026 (Sabtu)
Program Silaturahmi Bersama Masyarakat Kg. Asli
Balai Raya Kg. Asli Hulu

MPP ZON 18



7.2.2026 (Sabtu)
Latihan Bola Sepak
Padang MBSJ Damai Utama

MAC

MPP ZON 19



4.3.2026 (Rabu)
Program Bubur Lambuk Ramadan 2026
Depan Mr. Mamak Bistro

MPP ZON 20



8.3.2026 (Ahad)
Sumbangan Ramadan Asnaf dan Ibu Tunggal
Surau Al-Hidayah Seri Serdang

MPP ZON 21



11.3.2026 (Rabu)
Program Masakan Bubur Lambuk
Balai Masyarakat Indah 2, Taman Universiti Indah

MPP ZON 22



16.3.2026 (Isnin)
Program Sahur Dengan Balai Polis dan Balai Bomba
Balai Polis Seri Kembangan & Balai Bomba Seri Kembangan

MPP ZON 23



1.3.2026 (Ahad)
Program Memasak dan Agihan Bubur Lambuk
Surau Asma Al-Husna

MPP ZON 24



8.3.2026 (Ahad)
Gotong Royong Memasak Bubur Lambuk
Masjid As-Syarif Tmn. Sg. Besi Indah

MPP ZON 1



7.3.2026 (Sabtu)
Edaran Bunga Sempena Hari Wanita Sedunia
Pasar Moden MBSJ SS15

MPP ZON 2



2.3.2026 (Isnin)
Program Edaran Buah Kurma Sempena Bulan Ramadan
Surau Al Mukminin PJS 9 Bandar Sunway

MPP ZON 6



15.3.2026 (Ahad)
Sumbangan Kuih Raya
Taman Permainan USJ 26



MBSJ berbesar hati menerima kunjungan dari pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi sesi khidmat nasihat pada 17 Mac 2026 bertempat di Ibu pejabat MBSJ bagi membentangkan 4 cadangan penambahbaikan tatakelola dalam usaha memperkuh integriti dan meningkatkan kecekapan tadbir urus organisasi.

Cadangan tersebut dibentangkan dalam satu sesi pembentangan strategik yang diketuai oleh YBhg. Datuk TPJ Mohd Zaki bin Hassan, Pengarah Bahagian Penyiasatan Tatakelola SPRM. Delegasi MBSJ pula diketuai oleh Datuk Bandar Subang Jaya, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim.

MBSJ menyambut baik empat (4) cadangan tersebut dan menzahirkan komitmen untuk melaksanakannya secara berperingkat. Peretujuan itu dimeterai menerusi pemeteraian Laporan Penambahbaikan Tatakelola antara kedua-dua pihak.

Empat cadangan utama yang dibentangkan adalah:

- Pengukuhan sistem kawalan dalaman bagi mengelakkan ketirisan
- Peningkatan ketelusan dalam proses kerja dan pembuatan keputusan
- Pemantapan pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP)
- Penambahbaikan mekanisme pemantauan dan pelaporan secara lebih sistematik.



Majlis Penutup Tadarus Al-Quran MBSJ 2026M/1447H



Sempena keberkatan Ramadan Al-mubarak, MBSJ telah menganjurkan Majlis Penutup Tadarus Al-Quran MBSJ 2026M/1447H bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ pada 17 Mac 2026.

Program dimulakan dengan Majlis Khatam Al-Quran, diikuti dengan ceramah bertajuk "Al-Quran Sahabat Sejati: Membina Jiwa, Membentuk Ummah" yang telah disampaikan oleh Ustazah Nazirah Binti Abu Bakar.

Semoga pengisian yang disampaikan menjadi pedoman dalam kehidupan serta membentuk masyarakat yang berilmu, berakhlak mulia dan bersatu padu.



Program Tekad Perkukuh Tempat Kerja Bebas Dadah



Persekitaran kerja yang selamat dan bebas daripada penyalahgunaan bahan terlarang terus diberi keutamaan menerusi Program Tempat Kerja Bebas Dadah yang dilaksanakan pada 10 Februari 2026. Program ini dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Petaling sebagai langkah pencegahan yang berfokus dan berstruktur.

Taklimat bertajuk “Pendidikan dan Kesedaran Penyalahgunaan Bahan Terlarang” telah disampaikan oleh Encik

Muhamad Amirul Aiman bin Mohd Rosdan, Pegawai Antidadah, AADK Daerah Petaling. Sesi tersebut memberi pendedahan kepada warga kerja mengenai risiko serta implikasi penyalahgunaan dadah terhadap individu dan organisasi.



Taklimat Persaraan **Bantu** Warga Kerja Rancang Masa Hadapan



Perancangan persaraan yang teratur terus diberi perhatian menerusi penganjuran Taklimat Mengenai Faedah dan Pengurusan Persaraan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pada 24 Februari 2026 di Bilik Learning Centre, MBSJ. Taklimat tersebut disampaikan oleh Encik Muhammad Hatim bin Mohd. Kharudin, Penolong Pengarah, Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Program ini memberi penerangan menyeluruh berkaitan faedah pencen, faedah terbitan dan perubahan, garjanan serta kemudahan lain yang tertakluk kepada peraturan dan pekeliing



semasa. Pendedahan tersebut membantu bakal pesara memahami prosedur serta keperluan pengurusan persaraan secara lebih jelas dan sistematik.





Taklimat Tingkat Kefahaman Mengenai Zakat



Pada 10 Mac 2026 yang lalu, MBSJ dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menganjurkan Taklimat Berkaitan Zakat dan Jenis-Jenis Zakat bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Taklimat ini bertujuan memberi penerangan secara lebih terperinci mengenai kewajipan zakat yang perlu ditunaikan khususnya melibatkan zakat harta dan zakat pendapatan sekali gus meningkatkan kefahaman serta kesedaran dalam kalangan warga kerja MBSJ mengenai kepentingan menunaikan zakat selaras dengan tuntutan syariat Islam.

Selain itu, pihak LZS turut membuka kaunter perkhidmatan bagi memudahkan warga kerja mendapatkan maklumat lanjut, membuat pertanyaan serta melaksanakan pembayaran zakat secara dalam talian dan urusan lain yang berkaitan dengan zakat.





Tingkat Kesedaran Mengenai Cukai Pendapatan



MBSJ telah dianjurkan Taklimat Berkaitan Cukai Pendapatan yang disampaikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ pada 11 Mac 2026 yang lalu.

Taklimat ini bertujuan untuk memberi kesedaran serta meningkatkan kefahaman para peserta mengenai tatacara pengisian Borang Cukai Pendapatan bagi Tahun Taksiran 2025 secara dalam talian.

Selain itu, pihak LHDN turut menyediakan kaunter perkhidmatan bagi membolehkan para peserta mendapatkan konsultasi, mengemukakan pertanyaan serta mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan urusan cukai pendapatan.





Sandbox Mobiliti: Perintis Sistem Mobiliti Bandar Yang Selamat, Mampan dan Mesra Alam



MBSJ mengorak langkah sekali lagi menjadi peneraju membangunkan sistem mobiliti bandar yang selamat, mampan dan mesra alam melalui pelaksanaan projek Sandbox Mobiliti di kawasan komersial SS15, Subang Jaya.

Majlis Perasmian Sandbox Mikromobiliti di Kawasan Komersial SS15, Subang Jaya telah disempurnakan oleh YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya pada 18 Mac 2026 bertempat di Stesen LRT SS15, Subang Jaya.

Pada majlis tersebut, Syarikat Beam Mobility Malaysia Sdn. Bhd. selaku pengendali rasmi telah menempatkan sebanyak 45 unit e-skuter di tiga lokasi parkir strategik iaitu Stesen LRT SS15, hadapan restoran Q Bistro (Jalan SS15/4G) dan Asia University (Jalan SS15/4), dengan setiap lokasi menempatkan 15 unit e-skuter. Orang awam yang ingin menggunakan perkhidmatan ini perlu memuat turun aplikasi 'Beam Mobility' melalui Google Play Store atau Apple App Store.

Pelaksanaan inisiatif ini merupakan hasil kolaborasi strategik antara MBSJ dan beberapa agensi utama seperti Kementerian

Pengangkutan Malaysia (MOT), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN Malaysia) serta Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS). MBSJ telah memperoleh kebenaran daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk melaksanakan inisiatif ini bagi tempoh dua tahun bermula 1 Februari 2025 hingga 31 Januari 2027. Bagi menyokong pelaksanaan Sandbox Mikromobiliti,

MBSJ telah mengguna pakai Garis Panduan Perancangan (GPP) Laluan Kenderaan Mikromobiliti di Peringkat Negeri Selangor serta pelesenan aktiviti mikromobiliti (E-skuter) di kawasan pentadbiran MBSJ.

MBSJ juga turut melaksanakan penambahbaikan infrastruktur, termasuk penyediaan kawasan parkir khas, penandaan laluan, papan tanda keselamatan, dan kemudahan sokongan lain bagi

meningkatkan keselamatan pengguna. Penggunaan teknologi geofencing turut dilancarkan bagi meningkatkan aspek keselamatan dan pengurusan operasi mikromobiliti. Teknologi ini membolehkan penetapan kawasan operasi yang dibenarkan di sekitar kawasan SS15, kawalan had kelajuan di zon tertentu serta pemantauan lokasi skuter bagi mengelakkan penyalahgunaan dan parkir yang tidak teratur.



Penyelenggaraan Pokok Khaya Tingkat Keselamatan Awam



MBSJ akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan melibatkan cantasan merendah dan penebangan pokok spesies Khaya Senegaliensis bertujuan memastikan pertumbuhan pokok yang lebih sihat di samping mewujudkan persekitaran yang selesa dan selamat kepada penduduk setempat. Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan ini akan dijalankan secara berperingkat bagi meminimumkan gangguan kepada



pengguna jalan raya serta memastikan kelancaran trafik di kawasan terlibat.

Kerja-kerja penyelenggaraan pokok bermula 1 Mac 2026 sehingga 31 Julai 2026 di kawasan seperti berikut:

- a) Persiaran Kewajipan
- b) Jalan USJ 18/9, Subang Jaya



Tindakan Segera Atasi Longgokan Sampah di Seri Kembangan



Aduan komuniti berhubung longgokan sampah kitar semula di kawasan berhampiran landasan kereta api di Jalan Muhibbah 18, Seri Kembangan telah ditangani segera oleh MBSJ pada 29 Januari 2026. Kerja-kerja pembersihan awal dilaksanakan bagi mengurangkan risiko pencemaran, gangguan keselamatan serta ketidakselesaan kepada penduduk sekitar.

Pembersihan dilakukan bagi memastikan kawasan terlibat kembali dalam keadaan bersih, selamat dan terurus.

Langkah awal tersebut merupakan tindakan responsif susulan maklum balas masyarakat setempat.



Serbuan Bersama MBSJ-PDRM Bongkar Pengedaran Minuman Keras Tanpa Lesen



Tindakan tegas penguatkuasaan dilaksanakan menerusi serbuan bersama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sebuah gudang di Jalan Subang 3, Taman Perindustrian Subang, Subang Jaya, Selangor pada 6 Februari 2026. Operasi ini diketuai oleh Tuan Muhamad Sulaiman bin Abdullah, Penolong Pegawai Penguat Kuasa MBSJ, dengan kekuatan anggota penguat kuasa serta sokongan 14 pegawai dan anggota PDRM dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya. Serbuan dijalankan susulan maklumat berkaitan aktiviti pengedaran minuman keras tanpa lesen dan tidak bercukai.

Hasil pemeriksaan, MBSJ mengeluarkan Notis Sitaan serta Notis Penutupan Premis Establisymen Makanan. Pada masa yang sama, pihak PDRM melaksanakan tindakan tangkapan dan rampasan pelbagai jenama minuman keras. Kesemua individu dan barangan rampasan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang untuk tindakan lanjut.



Dua Basikal Roda Tiga Disita - **Langgar Peraturan MBSJ**



MBSJ telah melaksanakan tindakan sitaan terhadap dua (2) buah basikal roda tiga milik warga asing di Taman Puchong Permai pada 3 Mac 2026 yang lalu.

Operasi penguatkuasaan ini dijalankan susulan aduan awam berhubung timbunan sampah pukat di Blok A dan Blok F yang dikenal pasti berpunca daripada aktiviti pengumpulan barangan terpakai menggunakan basikal roda tiga.

Kesemua basikal roda tiga berkenaan telah disita dan amaran lisan turut diberikan agar aktiviti perniagaan serta pengumpulan barangan tidak lagi dijalankan di lokasi tersebut.

Operasi Bersepadu MBSJ Tahan 75 Warga Asing



Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan menerusi Operasi Bersepadu Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bersama Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor pada 12 Februari 2026 di sekitar Jalan Istiqomah, Puchong Permai dan Jalan Bandar Sembilan, Pusat Bandar Puchong. Operasi ini bertujuan memantau tahap pematuhan premis perniagaan

serta menangani isu lambakan warga asing di kawasan pentadbiran MBSJ. Turut hadir YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, Ahli Dewan Negeri (ADN) Seri Serdang.

Pelaksanaan operasi melibatkan Jabatan Dalaman MBSJ bersama Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Bangunan, Jabatan Pelesenan

serta Jabatan Perancangan Bandar. Hasil pemeriksaan mendapati seramai 41 warga asing ditahan di Jalan Istiqomah, Puchong Permai manakala 34 warga asing ditahan di Jalan Bandar Sembilan, Pusat Bandar Puchong, menjadikan jumlah keseluruhan 75 tangkapan.

Kesemua tangkapan melibatkan individu yang dipercayai melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen dan terdiri daripada pelbagai warganegara termasuk Bangladesh, Indonesia, Myanmar, Nepal, Rohingya dan Pakistan.





Tindakan Sitaan dan Penutupan Premis Kerana Gagal Patuhi Syarat Pelesenan



MBSJ telah menyita serta menutup premis yang didapati beroperasi tanpa lesen yang sah di sekitar kawasan USJ 9 dan USJ 10, Subang Jaya, Selangor pada 3 Mac 2026 yang lalu. Operasi tersebut menyasarkan Pusat Hiburan (Snuker/Bola Pool) serta Pusat Kesihatan dan Kecantikan (Premis Rumah Urut) yang gagal mematuhi syarat pelesenan, termasuk tidak memiliki Lesen Hiburan (Bola Pool) dan Lesen Perniagaan Pusat Kesihatan dan Kecantikan yang sah daripada MBSJ.

MBSJ akan terus menjalankan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan semua pengusaha perniagaan mematuhi undang-undang serta peraturan yang berkuat kuasa demi menjaga ketenteraman awam dan kesejahteraan penduduk setempat.

Orang awam boleh menyalurkan sebarang aduan berkaitan aktiviti yang melanggar peraturan MBSJ melalui laman sesawang <https://www.mbsj.gov.my/ms/saluran-aduan>.



Program Bandar Selamat Bentuk Generasi Berdaya Tahan



Kesedaran awal mengenai keselamatan dan kesejahteraan komuniti terus dipupuk menerusi Program Sosial Bandar Selamat 2026: Ke Arah Komuniti Mampan, Bandaraya Selamat yang dilaksanakan pada 12 Februari 2026 khusus untuk pelajar sekolah di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Program ini digerakkan dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Subang Jaya serta Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Petaling sebagai pendekatan pendidikan keselamatan yang menyeluruh.

Pelaksanaan program ini bertujuan meningkatkan kefahaman pelajar berkaitan konsep bandar selamat, aspek keselamatan diri, pemahaman undang-undang serta kesedaran

kesihatan mental. Pendedahan tersebut membentuk generasi yang lebih peka terhadap persekitaran dan tanggungjawab sosial sejak di bangku sekolah.

Inisiatif ini turut mempererat kerjasama antara agensi dalam usaha mewujudkan komuniti yang mampan, sejahtera dan inklusif. Pendekatan bersepadu yang dilaksanakan menyokong pembangunan bandar raya yang selamat dan berdaya tahan secara berterusan.

Program seumpama ini menjadi langkah proaktif dalam membina budaya keselamatan komuniti melalui pendidikan dan kesedaran awal.





MBSJ Anjur Program Aktiviti Kitar Semula di Samping Perkenal Lori Pameran Bergerak Kitar Semula



Sebanyak 347.80 kilogram kutipan barangan kitar semula serta 119.80 kilogram kutipan minyak masak terpakai telah berjaya dikumpulkan dalam Program Kutipan Barangan Kitar Semula MBSJ yang berlangsung pada 16 – 17 Mac 2026 bertempat di Dataran Ibu Pejabat MBSJ.

Dalam program yang sama, MBSJ juga turut memperkenalkan lori pameran bergerak kitar semula MBSJ yang akan digunakan dalam pelaksanaan program kitar semula MBSJ.

Program yang dianjurkan pada kali ini merupakan cerminan komitmen MBSJ dalam memperkukuh amalan kelestarian alam sekitar serta menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti kitar semula.

Sepanjang program berlangsung, semua barangan kitar semula telah dibeli secara tunai atau melalui kaedah tukaran barangan kecuali fabrik.



Pelancaran Sukarelawan SUKMA XXII Selangor 2026



Semangat kesukarelawan terus digerakkan menerusi Majlis Pelancaran Sukarelawan SUKMA XXII dan Para SUKMA Selangor 2026 yang berlangsung pada 8 Februari 2026 di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam. Majlis tersebut disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YB Tuan Mohd Najwan Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana SUKMA Selangor. Turut hadir YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ.

Pelancaran ini menandakan pembukaan rasmi pendaftaran kepada orang ramai untuk menyertai pasukan sukarelawan bagi menjayakan temasya sukan tersebut. Penglibatan sukarelawan merupakan elemen penting dalam

memastikan kelancaran operasi serta pengalaman positif kepada atlet dan pengunjung sepanjang penganjuran SUKMA XXII dan Para SUKMA Selangor 2026.

Pendaftaran terbuka kepada semua yang berminat dan boleh dibuat melalui laman sesawang www.selangor2026.com. Penyertaan masyarakat sebagai sukarelawan mencerminkan

sokongan terhadap pembangunan sukan negeri serta memperkukuh semangat kebersamaan dalam menjayakan acara bertaraf kebangsaan.





Chill & Play Pickleball

Galak Gaya Hidup Sihat



Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor telah menganjurkan Sesi Penggalakan Sukan Chill & Play Pickleball 2026 di Grand Rally Pickleball, Shah Alam pada 8 Februari 2026. Program ini menghimpunkan ketua-ketua jabatan, kakitangan serta wakil agensi kerajaan dalam suasana santai dan interaktif.

Hadir sama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, sebagai tanda sokongan terhadap pembudayaan aktiviti sukan dalam kalangan warga kerja.

Sesi ini bertujuan memberi pendedahan mengenai sukan pickleball sebagai aktiviti rekreasi yang mudah diakses dan sesuai untuk pelbagai peringkat umur. Penyertaan kepimpinan jabatan serta warga kerja mencerminkan komitmen terhadap amalan gaya hidup aktif, mengukuhkan semangat berpasukan serta mempererat hubungan antara jabatan dan agensi.



Perlawanan 4 Penjuru Semarak Semangat Kesukuanan



Semangat kesukuanan dan kebersamaan terserlah menerusi Perlawanan Persahabatan Bola Sepak Empat Penjuru yang berlangsung pada 14 Februari 2026 di Arena MBSJ. Perlawanan ini melibatkan pasukan MBSJ, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Keiran's 11ven FC dan Skuad Antidadah dalam suasana kompetitif yang sihat serta penuh semangat berpasukan.

Turut hadir memberi sokongan ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ sebagai tanda sokongan kepimpinan terhadap aktiviti sukan yang menyatukan pelbagai pihak. Penyertaan pelbagai pasukan mencerminkan komitmen bersama dalam membudayakan gaya hidup aktif serta mengeratkan hubungan strategik antara agensi.





DYTM Raja Muda Selangor Saksi Final Selangor Champions League



Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor, berkenan berangkat ke Arena MBSJ bagi menyaksikan Perlawanan Akhir Selangor Champions League Musim Ke-9 yang menemukan pasukan Cyberjaya Teleflow dan Klang City Sailors pada 16 Februari.

Turut hadir memberikan sokongan ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, sebagai tanda komitmen kepimpinan bandar raya terhadap pembangunan sukan negeri.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada kedua-dua pasukan atas komitmen, disiplin dan semangat kesukanan yang dipamerkan sepanjang perlawanan.





Subang Jaya Half Marathon 2026

Himpun 5,800 Peserta



Semangat gaya hidup sihat dan inklusif terus diperkukuh menerusi Subang Jaya Half Marathon (SJHM) 2026 yang mencatat penyertaan lebih 5,800 peserta pada 8 Februari 2026 di Arena MBSJ, Subang Jaya. Program anjuran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Puncak Ventures SRA Sdn. Bhd. dan Persatuan Olahraga Para Selangor itu merangkumi pelbagai kategori termasuk kategori khas bagi peserta berkerusi roda.

Majlis pelepasan peserta telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta yang berjaya menyertai serta menamatkan larian dengan semangat kesukanan yang tinggi.





MBSJ FC Juara Futsal Wanita Kebangsaan 2026




Kejohanan Futsal Wanita Kebangsaan 2026 melabuhkan tirainya pada 25 Januari 2026 di Arena Futsal FAM, Kelana Jaya dengan menobatkan MBSJ FC sebagai juara edisi kali ini. Kejayaan tersebut menjadi kemuncak persaingan sengit sepanjang kejohanan yang menghimpunkan pasukan terbaik dari seluruh negara.

Hadiah kemenangan disampaikan oleh Pemangku Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi bersama Naib Presiden selaku Pengerusi Jawatankuasa Futsal dan Bola Sepak Pantai FAM, Datuk Seri Hj Rosmadi Ismail. Aksi final serta penentuan tempat ketiga turut dihadiri oleh Naib Presiden, Datuk Saaran Nadarajah dan Exco FAM selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Futsal dan Bola Sepak Pantai FAM, Datuk Mohd Hisamudin Yahaya dan Dato' Suraya Yaacob.

Perlawanan akhir dan aksi penentuan tempat ketiga #KFWK2026 bukan sahaja menobatkan pemenang, malah memperlihatkan perkembangan ketara dari aspek kualiti permainan serta intensiti perlawanan yang semakin kompetitif.

Lebih daripada sekadar keputusan dan piala, kejohanan ini menjadi platform penting dalam pembangunan berterusan futsal wanita negara. Penyertaan pemain muda, kepelbagaian latar belakang serta persaingan sihat antara pasukan negeri dan kelab mengukuhkan peranan kejohanan ini sebagai batu loncatan ke arah masa depan futsal wanita yang lebih kukuh, inklusif dan berdaya saing.





ezy.mbsj.gov.my

JOM PERBAHARUI LESEN IKLAN LUARAN TAHUN 2026

SECARA ATAS TALIAN

Sila Rujuk Jabatan Pelesenan MBSJ
03-8026 4007 / 03-8026 3176

LOG MASUK

BAYARAN ONLINE

CETAK LESEN

KECUALI

- ✗ Lesen Hiburan
- ✗ Lesen Pusat Siber
- ✗ Lesen Pusat Penjagaan Kesihatan
- ✗ Lesen Tamat Tempoh
- ✗ Lesen Gerai/Medan Selera
- ✗ Permit Sementara Berniaga
- ✗ Permit Kerusi Meja/Siar Kaki
- ✗ Lesen Berstatus Sementara

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.



Majlis Bandaraya Subang Jaya



sjcitycouncil

www.mbsj.gov.my